



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA


***KESEDIAAN, PENERIMAAN DAN PENGOPERASIAN GURU
KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU TERHADAP AMALAN
PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH***

MOHD KHAIRI BIN KASSIM

FPP 2019 31



**KESEDIAAN, PENERIMAAN DAN PENGOPERASIAN GURU
KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN
BERASASKAN SEKOLAH**



Oleh

MOHD KHAIRI BIN KASSIM

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Master Sains**

Oktober 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESEDIAAN, PENERIMAAN DAN PENGOPERASIAN GURU
KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN
BERASASKAN SEKOLAH**

Oleh

MOHD KHAIRI BIN KASSIM

Oktober 2018

Pengerusi : Profesor Madya Abdullah Mat Rashid, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang digabungkan dengan pentaksiran sumatif mula dilaksanakan untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) sejak tahun 2012. Beberapa kajian lepas mendapati guru KHB masih mempunyai banyak persoalan dalam melaksanakan PBS. Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru-guru yang mengajar KHB terhadap amalan PBS. Penyelidik menggunakan kaedah kajian kolerasi untuk menentukan hubungan kesediaan, penerimaan dan pengoperasian dengan amalan PBS. Responden kajian terdiri daripada 172 guru KHB yang melaksanakan PBS dalam pengajaran mereka di daerah Klang, Selangor.

Kajian ini menggunakan soal selidik diadaptasikan daripada instrumen Abdul Zubir (2007) yang mengkaji tentang kesediaan guru dan Salmiah Jaba (2013) yang mengkaji tentang kesediaan, penerimaan, pengoperasian dan keprihatinan guru KHB Pertanian terhadap amalan PBS. Item soal selidik telah mendapat pengesahan muka daripada 2 orang pakar bahasa yang menilai kesesuaian bahasa, kejelasan arahan, penyampaian, pernyataan atau soalan. Kesahan kandungan pula, dibuat oleh pakar dalam bidang penyelidikan teknik vokasional. Kajian rintis telah dijalankan melibatkan 30 orang guru KHB dan nilai pekali *cronbach alpha* melebihi 0.7 bagi setiap item. Keadaan ini menunjukkan aras kebolehpercayaan yang boleh diterima untuk menjalankan kajian.

Dapatan kajian menunjukkan amalan guru KHB berada pada peringkat tinggi dalam amalan pelaksanaan PBS ($M=4.05$, $SP=.440$). Kesediaan guru KHB berada juga pada tahap tinggi ($M=3.78$, $SP=.473$). Penerimaan dan pengoperasian guru pada tahap sederhana masing-masing dengan ($M=3.47$, $SP=.615$) dan ($M=3.66$, $SP=.567$). Dari segi hubungan antara kesediaan dan amalan pelaksanaan PBS terdapat hubungan yang positif dan kuat di mana $r=0.519$. Hubungan antara amalan pelaksanaan PBS dengan penerimaan mempunyai hubungan negatif dan lemah, di mana $r=0.265$. Sementara hubungan antara pengoperasian dan amalan PBS mempunyai hubungan yang positif di mana $r=0.456$. Analisis regresi menunjukkan kesemua pemboleh ubah adalah signifikan terhadap amalan PBS.

Kajian ini menyumbang kepada amalan PBS yang berkesan untuk digunakan oleh pihak yang berkepentingan seperti Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak berkaitan untuk menggubal sukatan pelajaran dan melaksanakannya dalam pendidikan di negara ini. Daripada dapatan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk kajian lanjutan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

READINESS, ACCEPTANCE AND OPERATIONAL OF INTEGRATED LIVING SKILLS TEACHERS FOR SCHOOL BASED ASSESSMENT PRACTICE

By

MOHD KHAIRI BIN KASSIM

October 2018

Chairman : Associate Professor Abdullah Mat Rashid, PhD
Faculty : Educational Studies

School Based Assessment (PBS) combined with summative assessments began to be implemented for the Integrated Living Skills (KHB) subject since 2012. Several previous studies have found that KHB teachers still have many questions in implementing PBS. This study aims to identify the readiness, acceptance and operation of teachers teaching KHB on PBS practice. The researcher uses the method of collation study to determine the relationship of readiness, acceptance and operation with PBS practice. Respondents of the study consisted of 172 KHB teachers who conducted PBS in their teaching in Klang district, Selangor.

This study uses a questionnaire adapted from Abdul Zubir's (2007) instrument that examines the readiness of teacher and Salmiah Jaba (2013) which studies the readiness, acceptance, operation and concern of KHB Agriculture on PBS practices. Questionnaire item has been confirmed by two language experts who assess language appropriateness, clarity of instruction, presentation, statement or question. The content validity is, made by a specialist in the field of vocational engineering research. A pilot study was conducted involving 30 KHB teachers and the alpha cronbach coefficient value of more than 0.7 for each item. This situation demonstrates the acceptable level of reliability to carry out the study.

The findings show that the practice of KHB teachers is at a high level in the implementation practice of PBS ($M = 4.05$, $SP = .440$). The willingness of KHB teachers to be at high level ($M = 3.78$, $SP = .473$). The acceptance and operation of the teacher at a simple stage each with ($M = 3.47$, $SP = .615$) and

(M = 3.66, SP = .567). In terms of the relationship between readiness and practice of PBS there is a positive and strong relationship where $r = 0.519$. The relationship between PBS implementation practice with acceptance has a negative and weak relationship, where $r = 0.265$. While the relationship between PBS operation and practice has a positive relationship where $r = 0.456$. Regression analysis shows that all variables are significant to PBS practice.

This study contributes to effective PBS practices for use by stakeholders such as the District Education Office, State Education Department, Malaysian Examinations Board, Ministry of Education, Malaysia and related parties to formulate syllabus and implement it in education in this country. From the findings of this study, several suggestions were submitted for further study.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t, di atas limpah kurnia dan izinNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Ribuan terima kasih kepada setiap individu yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini ditujukan khusus kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis iaitu Profesor Madya Dr. Abdullah Mat Rashid di atas bimbingan yang telah diberikan bagi menyiapkan kajian ini. Seterusnya ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Prof. Madya Dr Mohd Ibrahim Bin Nazri di atas sokongan yang diberikan.


Ucapan Terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, pensyarah, kakitangan universiti, guru-guru dan rakan-rakan yang telah memberi bantuan dan menyokong kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri saya Pn Siti Hajar Bt Mahmad Kamar, anak-anak, Aniq Haikal, Anaqi Hakim, Aqil Hariz dan Adenin Humayraa, ibu bapa mertua, abang, kakak dan adik-adik serta ahli keluarga di atas kesabaran, sokongan dan doa yang dicurahkan.

Seterusnya kepada rakan-rakan, Norhisham , Hanafiah, Helmee, Hanan, Nik Hanis Zuraihan, Fazillah, Ira Shahira dan rakan-rakan sekelas yang lain, rakan junior, pembantu penyelidik Fakulti Pengajian Pendidikan, rakan setugas Sharifuddin, Romeeza, Ust Zamri, Fakri, Azizah, Dareena, Pn Rashidah, Husnul Hadi dan lain-lain. Semoga segala budi baik yang diberikan akan dibalas oleh Allah S.W.T. dengan sebaik-baik ganjaran. Semoga kejayaan ini juga memberi inspirasi untuk lebih gigih dalam setiap perjuangan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli –ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Abdullah Mat Rashid, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Ibrahim Bin Nazri, PhD
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



ROBIAH BINTI YUNUS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Mohd Khairi Bin Kassim, GS28722

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Abdullah Mat Rashid

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Mohd Ibrahim Bin Nazri

JADUAL ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Limitasi Kajian	8
1.8 Definisi Operasional	8
1.8.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	8
1.8.2 Kesediaan guru	9
1.8.3 Penerimaan guru	9
1.8.4 Pengoperasian PBS	9
1.8.5 Guru Kemahiran Hidup Bersepadu	10
2 TINJAUAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Pentaksiran Pendidikan	12
2.3 Prinsip Perubahan dalam Pendidikan	24
2.4 Pengoperasian dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah	27
2.5 Kerangka Konseptual Kajian	39
2.6 Kerangka Teoritikal Kajian	40
3 METODOLOGI	42
3.1 Pengenalan	42
3.2 Reka Bentuk Kajian	42
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	42
3.4 Lokasi Kajian	43
3.5 Instrumen Kajian	44
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan	45
3.7 Kajian Rintis	46
3.8 Prosedur Penyelidikan	47
3.9 Analisis Data Kajian	48

4	DAPATAN KAJIAN	50
4.1	Pengenalan	50
4.2	Rumusan Kajian	50
	4.2.1 Latar Belakang Responden	50
4.3	Tahap Amalan Pelaksanaan PBS	52
4.4	Tahap Kesediaan, Penerimaan, dan Pengoperasian PBS	55
4.5	Hubungan Kesediaan dan Amalan Pelaksanaan PBS	60
4.6	Hubungan Kesediaan, Penerimaan, Pengoperasian dan Amalan Pelaksanaan PBS	60
4.7	Hubungan Pengoperasian dan Amalan PBS	61
4.8	Faktor Peramal bagi Amalan PBS	61
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN	62
5.1	Pengenalan	62
5.2	Rumusan Kajian	62
5.3	Perbincangan	62
	5.3.1 Objektif Kajian 1	62
	5.3.2 Objektif Kajian 2	65
	5.3.3 Objektif Kajian 3	68
5.4	Implikasi Kajian	69
5.5	Kesimpulan	70
5.6	Cadangan Kajian	70
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	71
	RUJUKAN	72
	LAMPIRAN	78
	BIODATA PELAJAR	98

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Bilangan Item Soal Selidik	45
3.2 Nilai <i>alpha cronbach</i> Instrumen Kajian	47
3.3 Tafsiran Skala Skor Min	48
3.4 Ringkasan Analisis Statistik Kajian	49
4.1 Latar Belakang Responden	52
4.2 Tahap amalan pelaksanaan PBS	53
4.3 Skor min dan sisihan piawai bagi item amalan pelaksanaan PBS	54
4.4 Tahap kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru	55
4.5 Skor min dan sisihan piawai bagi item kesediaan pelaksanaan PBS	55
4.6 Skor min dan sisihan piawai bagi item penerimaan pelaksanaan PBS	57
4.7 Skor min dan sisihan piawai bagi item pengoperasian pelaksanaan PBS	59
4.8 Analisis korelasi terhadap kesediaan dan amalan PBS	60
4.9 Analisis korelasi penerimaan dan amalan PBS	61
4.10 Analisis korelasi pengoperasian dan amalan PBS	61

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Kitaran Pentaksiran Formatif (Mc Millan, 2007)	19
2	Perkaitan penilaian, pengukuran, pentaksiran dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	20
3	Peranan guru dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah	23
4	Hubungan pentaksiran, pengajaran dan pembelajaran dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	23
5	Kerangka konseptual kajian	39
6	Kerangka teoritikal kajian : Model CIPP oleh Stufflebeam	40

SENARAI SINGKATAN

DPLI	Diploma Perguruan Lepas Ijazah
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KK	Kerja Kursus
KPLD	Kursus Perguruan Lepas Diploma
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PP	Pentaksiran Pusat
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
PS	Pentaksiran Sekolah
PTV	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SPSS	Statistical Packages of Social Science
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan pentaksiran yang bersifat holistik dan autentik seperti pentaksiran kerja kursus, projek, persembahan, aktiviti jasmani, kokurikulum, sahsiah, budi pekerti dan pembinaan jati diri murid. Melalui pentaksiran ini bukan sahaja penguasaan murid dapat dilaporkan malahan proses pembinaan modal insan dapat diteruskan, (PPPM Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).

lanya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk Malaysia yang digubal pada 1988 dan disemak semula pada 1996, termaktub dalam visi Kementerian dan Kerajaan yang berhasrat melahirkan generasi holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi tahun 2013 hingga 2025 (KPM,2013) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada September 2012 menyaksikan kerangka transformasi sistem pendidikan kebangsaan dalam usaha membuahakan produk sistem pendidikan yang lebih berdaya saing dan melangkaui penanda aras antarabangsa. Pelbagai pihak berpendapat pelan ini merupakan satu anjakan bestari kerajaan dalam usaha membangunkan sistem pendidikan negara bagi melahirkan murid dan guru yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21. Tumpuan utamanya adalah bagi membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri, berketrampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Modal insan yang ingin dilahirkan juga berupaya untuk berfikir secara kreatif dan kritis, berkemahiran menyelesaikan masalah dan mempunyai ketahanan serta berkebolehan untuk berhadapan dengan cabaran dunia global. Oleh itu salah satu perkara daripada 11 anjakan dalam PPPM 2013-2025 adalah merombak semula peperiksaan dan pentaksiran, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013).

Melalui transformasi pendidikan negara, bagi mempercepatkan penambahbaikan prestasi pelajar secara berkesan, berterusan dan menyeluruh, kerajaan tidak akan hanya memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal tetapi akan lebih menumpukan kepada aspek yang memberi impak besar kepada prestasi pelajar seperti kualiti guru dan kepimpinan di sekolah. (PPPM 2013-2025).

Selaras dengan pengalaman, pelaksanaan sistem pendidikan terbaik dunia dan keperluan untuk menghasilkan peningkatan prestasi pelajar yang signifikan, empat strategi akan diguna pakai iaitu memastikan setiap pelajar boleh berjaya, menjadikan sekolah bertanggungjawab terhadap prestasi pelajar, membuat pelaburan bagi membangun kepimpinan unggul di setiap sekolah dan meningkatkan daya tarikan profesion keguruan dan menghasilkan guru terbaik (RMK -10). Menurut Fullan & Stiegelbauer (1991), guru adalah agen utama perubahan yang berlaku dalam corak pendidikan. Sehubungan dengan itu kajian ini akan melihat sejauh mana guru Kemahiran Hidup Bersepadu bersedia, menerima perubahan dan mengoperasikan amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah untuk menjayakan misi negara ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

PBS dilaksanakan bagi mengurangkan kelemahan sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan, (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Ia juga bertujuan untuk melahirkan 'sekolah kelompok cemerlang' yang mempunyai standard setaraf dengan sekolah cemerlang, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2007). Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan transformasi sistem pendidikan bermula 2010 bagi meningkatkan kualiti akademik, kokurikulum dan pembangunan sahsiah murid.

Melalui PBS, guru dapat merancang perubahan untuk membaiki pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Guru sebagai pentaksir perlu menggunakan teknik pentaksiran paling berkesan untuk membantu pembelajaran murid mereka pada ketika itu, Salmiah Jaba (2013). Stiggins (2000), menyatakan pengurusan pentaksiran bilik darjah yang baik ialah apabila murid jelas dan faham tentang objektif pembelajaran dengan matlamat yang disampaikan guru iaitu apa yang perlu dicapai sehingga akhirnya akan dapat membina satu keyakinan dan kepercayaan dalam diri tentang kepentingan pentaksiran dalam pembelajaran.

PBS telah mengalami perubahan selepas pelarasan dilakukan di seluruh negara dengan mewajibkan pelaksanaannya bagi semua mata pelajaran yang mempunyai komponen kerja kursus, amali, projek, modul dan ujian lisan, (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Perubahan itu dilakukan secara berperingkat-peringkat bermula di sekolah rendah pada tahun 2012 dan di sekolah menengah pada tahun 2015, (Adi Badiozaman, 2006).

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu perubahan dalam sistem penilaian akademik pelajar di negara kita. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah melakukan perubahan pendidikan mulai tahun 2010 dengan melaksanakan sistem penilaian prestasi murid berasaskan sekolah, (Lembaga Peperiksaan

Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2007). Langkah ini dilaksanakan untuk memastikan negara mencapai hasrat membangunkan modal insan yang memfokus kepada memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian yang lebih holistik, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2007).

PBS dilaksanakan agar selari dengan hasrat menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan berlandaskan lima aspirasi sistem pendidikan Malaysia yang salah satu daripadanya, mencapai kualiti dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran, (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012). Perubahan pentaksiran dijalankan untuk mengesan dan memantau perkembangan serta pencapaian murid dalam pembelajaran, Robiah Sidin (2002). Langkah ini diharap dapat mencungkil potensi dan bakat murid dalam pelbagai bidang selain bidang akademik. Dengan cara itu, murid berpeluang meningkatkan potensi diri secara menyeluruh, secara berterusan dengan bimbingan guru, (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dilaksanakan dengan memberikan penekanan kepada pentaksiran untuk pembelajaran (assessment for learning) dan pentaksiran tentang pembelajaran (assessment of learning), Hishamuddin, (2005). Selaras dengan itu, Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia (LPM) telah mengeluarkan:

- a) Pindaan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 2 tahun 2011. Penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan Bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) mulai tahun 2012-KP.LP.003.07.14(2) bertarikh 14 Februari 2011.
- b) Surat siaran Lembaga Peperiksaan Bil 3 Tahun 2011. Pemakluman Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Rendah dan Menengah Rendah-KP.LP.003.07.14.05(1) bertarikh 29 Julai 2011.

Pentaksiran PBS bergantung sepenuhnya kepada guru di sekolah. Guru merupakan elemen penting dalam memastikan pelaksanaan PBS berlaku seperti yang dikehendaki oleh KPM berasaskan dasar, konsep, kerangka dan pengoperasian yang telah ditetapkan, Salmiah Jaba,(2013). Guru bertanggungjawab membentuk suasana pembelajaran bermula dengan merancang, mentadbir, mengumpul maklumat, memberi skor dan akhirnya membuat pelaporan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2007). Oleh itu guru perlu menggalas dua peranan iaitu sebagai pengajar dan juga pentaksir mata pelajaran di dalam bilik darjah, (Yip dan Cheung, 2005).

Mohamad Azhar (2006) menyatakan punca utama kepada masalah pentaksiran yang dihadapi oleh guru ialah mereka kurang latihan, pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan pentaksiran. Dapatan ini disokong pula oleh Rohayah (2007) yang mendapati kebanyakan guru yang mengajar Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) terdiri daripada guru-guru bukan opsyen. Mereka bukan sahaja tiada latihan dan pengetahuan mencukupi untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, malahan tidak berkemahiran untuk menilai kerja kursus murid, Mok Soon Sang, (2009) . Abdul Zubir (2007) pula mengaitkan isu ketidakmahiran guru ini dengan bilangan kursus yang dihadiri oleh mereka sebelum melaksanakan PBS kerana kurang 50% daripada guru KHB yang ada di sekolah yang pernah mengikuti kursus berkaitan PBS manakala yang selebihnya melaksanakan PBS berpandukan buku yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) atau bertanya dengan rakan setugas.

Kesediaan guru menerima perubahan dalam melaksanakan pentaksiran mencakupi kesediaan dari segi pengetahuan, latihan dan kemahiran. Stiggins (2002) mendapati tidak ramai guru yang betul-betul bersedia dalam melakukan pentaksiran formatif kerana mereka tidak berpeluang untuk mempelajari teknik-teknik yang betul dalam melakukan pentaksiran. Oleh itu, Guskey (2003) mencadangkan guru seharusnya mempelajari tentang falsafah pentaksiran dan bagaimana untuk menjadikan pentaksiran lebih bermakna dan mengubah pandangan serta meningkatkan kualiti amalan pentaksiran formatif.

Tan (2010) pula melaporkan guru kurang pengetahuan dalam menguruskan pentaksiran PBS kerana lebih mementingkan produk daripada proses. Pendekatan pengajaran yang digunakan lebih berpusatkan guru dan kerja amali dilaksanakan secara latih tubi bagi mengisi keperluan pemarkahan semata-mata untuk perolehan gred yang baik. Keadaan ini tidak memberi makna yang baik kerana menurut Butler dan McMunn (2006), pentaksiran formatif bertujuan meletakkan matlamat terhadap murid dalam memberi maklumbalas tentang pencapaian mereka. Ini kerana pentaksiran adalah satu proses dan bukannya dilihat sebagai satu produk.

Perubahan pendidikan tidak akan berjaya jika tidak mengambil kira penerimaan guru sebagai pelaksana terutama yang melibatkan perubahan fikiran, hati dan tingkahlaku mereka. Carless (2005) mengaitkan penerimaan guru kepada perubahan adalah berkaitan dengan beberapa domain luaran antaranya adalah kepercayaan, sikap dan kemahuan guru dalam amalan pentaksiran. Guru harus mempunyai kepercayaan bahawa perubahan kepada pelaksanaan PBS akan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka. Black et al. (2004), menyatakan tentang perlunya guru membentuk satu kesedaran baru terhadap pentaksiran agar perubahan pelaksanaan PBS menjadi signifikan.

Walaupun bagaimanapun, perubahan tersebut memberi impak kepada peningkatan beban tugas sehingga membentuk perasaan hampa, bersalah dan kemarahan dalam diri guru. Adediwura (2012) menyatakan keperluan untuk mendapatkan persepsi guru ketika mereka melalui proses perubahan dalam PBS. Ini kerana sebarang perubahan dalam pendidikan samada berskala kecil atau besar telah meningkatkan beban kerja guru kerana mereka bukan sahaja mengajar tetapi juga terlibat dalam kerja pentadbiran dan kurikulum di sekolah. Ini dibuktikan melalui dapatan Mohammad Azhar (2006), dalam Amalan Pentaksiran Di Sekolah Menengah yang melaporkan guru dibebani dengan tugas perkeranian, tempoh mengajar diganggu oleh pelbagai aktiviti sekolah serta ditambah dengan masa mengajar KHB yang terlalu pendek (dikurangkan dari 4 waktu seminggu kepada 3 waktu seminggu mulai 2007).

Kejayaan suatu perubahan perlu mendapat sokongan daripada seluruh organisasi. Selain guru sebagai pentaksir, pengetua, ibu bapa, pihak Jabatan Pendidikan Negeri mahupun Kementerian Pendidikan perlu dimaklumkan serta melibatkan diri dalam pelaksanaannya. Menurut Cheung dan Yip (2004), sokongan yang kuat akan membantu guru membina keyakinan diri untuk melaksanakan perubahan sehingga membentuk satu kepercayaan terhadap keberkesanan perubahan tersebut. Sungguh pun terdapat penjaminan kualiti yang dilakukan oleh pihak luar, keberkesanan pelaksanaan PBS masih diragui kerana pemantauan dan penyelarasan mata pelajaran KHB hanya berlaku pada tahun ketiga iaitu ketika pelajar di Tingkatan Tiga.

1.3 Penyataan Masalah

Pelaksanaan PBS bukanlah perkara baru dalam pendidikan di Malaysia kerana telah dijalankan di sekolah sejak tahun 1980-an dan 1990-an lagi terutama dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Namun pelaksanaan pentaksiran berasaskan kriteria menggunakan amalan pentaksiran formatif merupakan perkara baru bagi mata pelajaran KHB yang bermula pada tahun 2007. Memandangkan skor PBS memberi sumbangan yang besar kepada peperiksaan berpusat guru diberi kuasa autonomi untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran mengikut pilihan masing-masing, maka pelaksanaannya perlulah mengikut landasan yang betul agar skor yang diberi mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Kesediaan guru melaksanakan PBS menjadi keraguan banyak pihak. Dapatan Rohayah (2007) menunjukkan lebih 40% guru yang mengajar KHB di sekolah-sekolah seluruh negara merupakan guru bukan opsyen. Mereka kurang mahir dalam mata pelajaran ini lalu menyebabkan mereka juga kurang mahir melaksanakan pentaksiran. Dapatan Abdul Zubir (2007) pula menunjukkan 57% guru tidak pernah mengikuti kursus tentang PBS menyebabkan mereka kurang pengetahuan dan kemahiran, lalu melaksanakan PBS menggunakan panduan PBS yang dibekalkan oleh pihak

Kementerian Pendidikan atau bertanyakan rakan sejawat mereka. Tan (2010) pula mendapati guru kurang mahir menguruskan PBS sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka mengasingkan pentaksiran dengan pengajaran menyebabkan matlamat pentaksiran untuk meningkatkan pembelajaran tidak tercapai.

Mohammad Azhar (2006) mendapati pelaksanaan PBS membebankan guru kerana pelaksanaannya melibatkan beban guru bertambah dari segi perkeranian iaitu pemprosesan, perekodan dan penulisan laporan kerja yang terlalu akademik. Sistem sokongan (pemantauan dan penyelarasan) dalam penjaminan kualiti PBS pada masa kini juga agak longgar kerana tumpuan dilakukan kepada murid di Tingkatan Tiga sedangkan evidens murid di Tingkatan Satu dan Dua tidak dititik beratkan, Rohayah (2007).

Satu kajian perlu dilaksanakan untuk meninjau kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru KHB terhadap amalan pelaksanaan PBS. Terdapat jurang dalam pelaksanaan PBS di sekolah, ini kerana ruang kepada berlakunya manipulasi dan penyelewengan dalam amalan pelaksanaan guru menunjukkan kelemahan pengoperasian PBS, Tan (2010). Dapatan kajian ini akhirnya boleh menjadi panduan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memurnikan pelaksanaan PBS.

Kajian ini akan menekankan aspek kesediaan guru yang meliputi 3 perkara utama iaitu pengetahuan, latihan dan kemahiran. Aspek penerimaan guru yang dikaji ialah kepercayaan, sikap dan kemahuan. Dari aspek pengoperasian pula kajian menitik beratkan urusan penjaminan kualiti pelaksanaan PBS dari segi pemantauan dan penyelarasan skor untuk memastikan pentaksiran dijalankan mengikut piawaian yang terselaras (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2007).

1.4 Objektif Kajian

Objektif am kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Secara khusus kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengetahui tahap kesediaan, penerimaan, pengoperasian guru KHB dalam melaksanakan PBS
2. Mengetahui hubungan kesediaan, penerimaan, pengoperasian dengan amalan guru dalam melaksanakan PBS
3. Menentukan faktor peramal bagi amalan PBS antara pemboleh ubah kesediaan, penerimaan, dan pengoperasian.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kesediaan guru KHB melaksanakan PBS?
2. Apakah tahap penerimaan guru KHB melaksanakan PBS?
3. Apakah tahap pengoperasian guru KHB melaksanakan PBS?
4. Apakah tahap amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan guru KHB?
5. Adakah terdapat hubungan antara kesediaan dengan amalan guru dalam melaksanakan PBS?
6. Adakah terdapat hubungan antara penerimaan dengan amalan guru dalam melaksanakan PBS?
7. Adakah terdapat hubungan antara pengoperasian dengan amalan guru dalam melaksanakan PBS?
8. Apakah faktor peramal bagi amalan PBS antara pemboleh ubah kesediaan, penerimaan dan pengoperasian?

1.6 Kepentingan Kajian

Perubahan yang dilakukan tanpa persediaan dari segi peningkatan profesionalisme guru akan menyukarkan tugas mereka sebagai pelaksana kerana menurut (Fullan dan Stiegelbauer, 1991) guru merupakan agen kepada perubahan. Pelaksanaan perubahan pendidikan yang dirancang mungkin terhalang disebabkan kesukaran pelaksana iaitu guru memahami maksud perubahan itu sendiri seterusnya ketiadaan atau kekurangan peralatan, kemudahan dan sokongan. Keadaan ini menjadikan guru merasa tertekan kerana kemungkinan mereka belum bersedia melakukan perubahan yang dirancang.

Broadfoot dan Black (2004) pula menyatakan bahawa guru keliru dan tidak dapat membezakan pelaksanaan pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif disebabkan kurang pengetahuan. Guru yang berpengetahuan menggunakan strategi yang betul dalam melaksanakan pentaksiran formatif dapat mengubah cara penerimaan murid terhadap ilmu pengetahuan dan menjadikan pentaksiran lebih bermakna (Shepard, 2003). Rohayah (2007), mendapati ramai guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu bukan opsyen manakala dapatan Abdul Zubir (2007) mendapati hampir 50% guru KHB tidak mengikuti kursus berkaitan PBS tentulah mengganggu kelancaran proses PBS itu sendiri.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan yang telah dibincangkan, adalah diharapkan dapatan kajian yang akan dijalankan ini dapat membantu pihak bertanggungjawab membuat persediaan awal terhadap guru dari segi mental dan fizikal. Sebagai pentaksir sekolah guru diharap akan dapat melaksanakan PBS dengan betul dan berkesan. Guru juga akan dapat menentukan kepentingan mereka sebagai agen perubahan di samping memainkan peranan yang sebenar sebagai pemudahcara di dalam bilik darjah. Kesan

daripada situasi tersebut murid akan lebih meminati pembelajaran kerana tekanan terhadap peperiksaan dapat dikurangkan. Oleh itu hasrat melahirkan modal insan yang cemerlang akan tercapai.

1.7 Limitasi Kajian

Penyelidikan ini adalah terbatas kepada lokasi, sampel, tajuk, dan masa yang ditetapkan. Perkara ini diterangkan seperti berikut:

- i) Generalisasi kajian adalah terhad kepada subjek yang dikaji sahaja. Sampel yang dipilih adalah guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu Daerah Klang, Selangor yang mengajar mata pelajaran itu di Tingkatan 1,2 dan 3. Oleh itu dapatan kajian mungkin tidak boleh diguna pakai terhadap kondisi selain daripada kajian.
- ii) Kajian ini mengukur pemboleh ubah seperti yang diterangkan dalam objektif kajian. Oleh itu, dapatan kajian mungkin tidak bersesuaian bagi pemboleh ubah lain.
- iii) Pengumpulan data secara soal selidik berdasarkan kesesuaian masa dan kebenaran diberikan oleh pihak berkenaan.

1.8 Definisi Operasional

Istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah:

1.8.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah satu bentuk penilaian dalam pendidikan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara. Ia merupakan komponen pentaksiran yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dengan segala urusan pentaksiran dilakukan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan pentaksiran formatif dan sumatif yang menitikberatkan tiga perkara iaitu kebolehpercayaan, kesahan dan keadilan. Kebolehpercayaan melaksanakan pentaksiran adalah merujuk kepada guru yang melaksanakan pentaksiran menggunakan kaedah pentaksiran formatif di mana pentaksiran dengan proses pembelajaran berlaku serentak dan tidak diasingkan.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor murid selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum kebangsaan. Komponen PBS terdiri daripada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP) manakala

kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK), Kementerian Pendidikan Malaysia (2007).

1.8.2 Kesediaan guru

Dalam konteks kajian ini kesediaan guru melaksanakan PBS adalah bergantung kepada latihan (kursus), pengetahuan dan kemahiran yang ada pada guru kerana mereka merupakan orang yang terlibat secara langsung dalam proses pentaksiran murid-murid di dalam kelas. Guru perlu melaksanakan pentaksiran mengikut Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan. Pentaksiran KHB berdasarkan rujukan kriteria di mana setiap murid dikehendaki melaksanakan kriteria yang telah ditetapkan. Oleh itu guru perlu diberi latihan (kursus) agar mereka mempunyai kefahaman yang sama dengan kriteria yang dinilai. Untuk melaksanakan pentaksiran guru perlu disediakan dengan latihan, pengetahuan dan kemahiran yang cukup supaya dapat menggunakan instrumen pentaksiran dengan betul dan berkesan. Chappuis et al.(2004)

1.8.3 Penerimaan guru

Penerimaan guru berkaitan dengan kepercayaan, sikap dan kemahuan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Kepercayaan merupakan perasaan dalaman yang dibentuk oleh individu terhadap sesuatu perkara positif atau negatif lalu perasaan tersebut dipamerkan melalui sikap dan kemahuan mereka melakukan perkara tersebut (PBS). Seseorang guru yang bersikap positif terhadap perubahan pendidikan akan melaksanakan tugasnya dengan penuh minat dan bertanggungjawab sementara guru yang bersikap negatif akan menggagalkan matlamat pencapaian perubahan pendidikan.

1.8.4 Pengoperasian PBS

Pengoperasian PBS merujuk kepada penjaminan kualiti yang meragkumi kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran. Ini dilakukan oleh pihak sekolah yang merupakan pihak yang melaksanakan pentaksiran dengan pemantauan dan penyelarasan pihak yang lebih kanan. Aktiviti pemantauan dan penyelarasan dilakukan oleh pihak pentadbir sekolah, pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pihak Pengarah Pendidikan Negeri serta Kementerian Pendidikan Malaysia, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2012). Pelantikan Jawatankuasa PBS tertakluk kepada keperluan sekolah dan bergantung kepada pihak lain di mana seseorang guru boleh memegang lebih daripada satu portfolio.

1.8.5 Guru Kemahiran Hidup Bersepadu

Mengikut Kamus Dewan, guru ialah orang atau individu yang kerjanya mengajar sementara Kemahiran Hidup Bersepadu pula merupakan satu mata pelajaran yang diajar dalam Sukatan Pelajaran sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Mata pelajaran Kemahiran Hidup diajar di sekolah rendah dan menengah. Di sekolah menengah ia ditawarkan di Tingkatan 1, 2 dan 3 sahaja. Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah menengah, di bahagikan kepada 2 bahagian iaitu Teras dan Elektif. Bahagian Teras di pelajari oleh semua pelajar yang meliputi bahagian Kemahiran Manipulatif seperti kerja kayu, kerja logam, elektrik, elektronik, jahitan asas, asas masakan, asas tanaman, kerja paip dan konsumerisme. Bahagian kedua ialah elektif yang terbahagi kepada empat bahagian iaitu Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan Perdagangan & Keusahawanan. Setiap orang pelajar akan mempelajari Bahagian Teras dan salah satu bahagian elektif dari Tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Di akhir pengajian peringkat menengah rendah para pelajar akan dinilai melalui pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Mata pelajaran ini juga diuji dalam peringkat Penilaian Tingkatan Tiga (PT3).

RUJUKAN

- Abdul Zubir (2007). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Dikalangan Guru Tingkatan Tiga*, Dissertasi PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Adediwura, (2012). Teachers' perception of school-based assessment in Nigerian secondary schools. *Mediterranean Journal of Social Sciences*.3(1):99-109.<http://doi:10.5901/miss.2012.03.01.99>. (diakses November 2012)
- Adi Badiozaman, T., *Improving the quality of primary education in Malaysia through curriculum inovation: Some current issues on assessment of students performance and achievement*. Proceeding 3rd International Conference on Measurement and Evaluation in Education (ICMEE), 16-26, Universiti Sains Malaysia:Penang, 2006.
- Ahmad Mohammad Sharif (1989). *Leader Behavior Organization Effectiveness and Job Satisfaction Vocational Teachers Malaysia*. Dissertasi Phd. Louisiana State University.
- Ahmad, E., Razali, H., Jamaludin, H., & Mohd Yusop, H. (2012). Cabaran pendidikan teknik & vokasional di Malaysia: Peranan UTHM dalam melahirkan pendidik berketrampilan. Seminar JPPG 2009. 22-24 Disember 2012 di Hotel Impiana Casuarina, Ipoh.
- Ajzen, I. (1991). *The theory of planned behavior. Organizational behavior and human decision processes*. (50) 179-211. New York:Academic Press.Inc.
- Arends, R. I. (1988). *Learning to Teach*. New York: Random House, Inc.
- Ariffin Hj. Zainal (1985). *Pekerja dan Pekerjaan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Arfah A. Aziz (1992). *Improving the Quality of Education: Strategies for Implementing of Self Skills*
- Ary, D., Jacobs, L.C., Razavieh, A. (2013). *Introducing to research in education. 9th Edition*. Australia: Wadsworth Thomson Learning.
- Atkin, J.M. (1963). *Some Evaluation Problems in a Course Content Improvement Project*. J.
- Azizah Abdul Rahman & Sharifah Md. Nor (1993). Pendidikan Vokasional dalam Reformasi Pendidikan di Malaysia. Satu Analisis. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia* 37 (78): 56 67.
- Azizi Bin Hj. Yahaya (1987). *Aspirasi Pekerjaan di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Vokasional Pertanian Rembau N.Sembilan*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan.UPM

- Azizi Bin Hj. Yahaya (1992). Aspirasi Pekerjaan dan Masalah Akademik di Kalangan Pelajar- pelajar Sekolah Menengah Vokasional Pertanian Rembau N.Sembilan. Tesis Sarjana
- Azizi, Y. (1999). *Keberkesanan pelaksanaan program kemahiran hidup di sekolah-sekolah menengah di Malaysia berdasarkan model penilaian konteks, input, proses dan produk*. Dissertasi PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Brown, S. (2004). Assessment for learning. The changing nature of assessment. *Learning and Teaching in Higher Education*. 1: 81-89.<http://www.adobe.com/products/acrobat/readmin.html> .(diakses Januari 2009)
- Butler, S.M., & Mc Munn, N.D. (2006). *Classroom Assesment. Understanding and Using assessment to Improve Student Learning*. North Carolina: Jossey-Bass Teacher, A wilwy Imprint
- Carless, D. (2005). Prospects for implementation of assessment for learning. *Assessment in Education*. 12 (1): 39-54 Change. Undated.
- Cheung, D. & D.Y. (2004). How science teachers' concerns about school-based assessment of practical work vary with time: The Hong Kong experience. *Research in Science & TechnoloEducation*. 22: 153-169
- Cheung, D., Hattie, J. & Ng, D. (2001). Reexamining the stages of concern questionnaire: A test pf alternative models. *Journal of Educational Research*. 94(4): 226-236
- Cochran, W.g. (1997). *Sampling Technique (3rd .ed)*. New York: John Wiley & Sons.
- Cohen, L., Manion,L.,Morrison,K., (2008). *Research Methods in Education.Sixth Edition*.London: Evaluation (pp 171-179). Oxford, England: Pergamon.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (2006). *How to Design and Evaluate Research in Education . Sixth Edition*. USA.McGraw-Hill International Edition
- Frey, C.A. (2009). Teacher's Understanding and used of formative assessment strategies: A multiple embedded case study in K-12 urban ring schools of a mid-size city in Rhode Island. Providence. USA. Rhode . John & Wales University.
- Fullan, M.G. (1991). *The new meaning of educational change*. New York: Teachers College Press.
- Fullan, M.G. (1992). Visions that Blind. *Educational Leadership* 49(5), 19-20

- Fullan , M. (2008). *The Six Secrets of Change*. San Francisco CA. Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Gardner, J., Harlen, W., Hayward, L., Stobart, G., *Changing Assessment Practice* Assessment Reform Group.(2008) www.tlrp.org/pub/document/assessment.pdf. (diakses Januari 2009)
- Garrison, F. (1991). *Planning Inservice Teacher Education Promising Alternatives*, Bethesda, Md.: ERIC Document Reproduction Service.
- George, M. (1987). Educational objectives. *The International Encyclopedia of Educational*
- Guskey, T. & Huberman, M.(1995). *Profesional development in education: New paradigms and practices*. New York. Teachers Colege Press.
- Guskey, T.R. (2003) How classroom assessment improve learning. (Electronic version). *Using Data To Improve Student Achievement*, 60(5), 6-11.
- Hall, G. E., & Hord, S. M. (2001). *Implementing change: Patterns, principles, and photoles*. Boston. Allyn and Bacon.
- Hall, G.E & Hord S. M. (2006). *Patterns, Principles, and Potholes*. USA. Pearson Education
- Harris, L. (2007). Employing formative assessment in the classroom. *Improving Schools*, 10: 249-260. <http://imp.sagepub.com/>. (diakses Februari 2013)
- Hawley,W.D., & Rollie, D.L. (2007). *The keys to effective schools: Education reform as continuos improvement*. Oaks, CA. Corwin Press.
- Hishamuddin Tun Hussein (2005). *Teks ucapan Tahun Baru 2005*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, Januari 2006.
- Hoyle, R.H. (1995). *Structural Equation Modeling, Concept, Issues and Application*. 158-176, Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Quick Facts. Malaysian educational statistics 2006*. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Pendidikan: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. Pekeliling Iktisas Penilaian Menengah Rendah 2007. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Sejarah, Geografi, Kemahiran Hidup Bersepadu, Bahasa Arab Komunikasi dan Pendidikan Islam. *Lembaga Peperiksaan Malaysia* . 2007. LP.PMR> 169/1/2007Jld.1(63).
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2012). Dasar Pendidikan Kebangsaan. Cetakan ketiga. Diambil daripada <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (23Julai,2012). Laporan awal pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2015. Diambil daripada <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/BUKU%20DASAR.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002). Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Pusat Perkembangan Kurikulum : Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (21 September, 2013). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 (pendidikan pra sekolah hingga lepas menengah). Diambil daripada <http://www.moe.gov.my/v/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025>
- Krejcie, R.V.& Morgan, D,W (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30;607-610
- Lambert, D. & Lines, D. (2000). *Understanding assessment: Purpose, Perception, Practice*. London, Routledge.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2006). *Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus: Penilaian Menengah Rendah Kemahiran Hidup Bersepadu Pertanian 78/2*.Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. *Laporan Pentaksiran Berasaskan Sekolah KHB Pertanian*. Putrajaya. Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007.
- Leung, W.I., A.(2008). Teacher concern about curriculum reform:the case of project learning. *The Asia-Pacific Education Researcher* 17(1): 75-79.
- Levin, D. M., David, H. & Coffey, J. E. (2009). Novice teacher's attention to student thinking. *Journal of teacher education*. 60(2): 145-154.
- McMillan, J. H. (2007). *Classroom Assessment: Principles and Practice for Effective Standard-based Instruction*. Fourth edition. USA: Pearson Education Inc.
- Mohamad Azhar, M. A. (2006) . Amalan Pentaksiran Di Sekolah Menengah, dessertasi PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

- Mohd Majid, K. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mok Soon Sang (2009). *Psikologi Pendidikan dan Pedagogi: Murid dan Alam Belajar*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Nik Hanis Zuraihan Rahimi. (2015). *Hubungan Kesedaran Metakognitif, Penglibatan Pembelajaran dan Gaya Pembelajaran Terhadap Tahap Pemikiran Reflektif Pelajar Pendidikan Teknikal dan Vokasional*. Tesis Sarjana Sains yang tidak diterbitkan Universiti Putra Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi. (2008). *Sejarah Malaysia*. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nur Hidayatie Murni. (2009). *Sejarah Malaysia Moden*. Penerbitan Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual. A step by step guide to data analysis using SPSS for Windows (Version 15) 3rd edition*. Australia: Allen & Unwin.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: *Laporan- Awal Eksekutif*, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012.
- Ramlee Mustapha dan Zaharatul Laila Abul Rahim. (2011). Problem-based learning in Malaysian technical school. *International Journal for Educational Studies*. 4(1)
- Rashidah, H. (2004). *Kesediaan guru melaksanakan pentaksiran untuk pembelajaran (Teacher Readiness In Implementing Assessment For Learning)*, tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya. Res. Science Teaching 1.
- Robiah Sidin. (2002). *Konsep Guru Profesional*. Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan, Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, UKM.
- Rogers, E. (2003). *Diffusion of Inovation*, 5th edition. New York:Free press
- Rohayah, I. (2007). *Penilaian berasaskan sekolah bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu pada masa depan: Jangkaan pakar*, tesis Master yang tidak diterbitkan,Universiti Malaya.

- Salmiah Jaba. (2013). *Kesediaan, Penerimaan, Pengoperasian dan Keprihatinan Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Pertanian Terhadap Amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Shepard, L.A. (2002). The role of assessment in a learning culture. *Educational Research*. 29(7): 14-4
- Stiggins, R. J. (2005). From formative assessment to assessment for learning: A path to success in standard-based schools. *Phi Delta Kappan*. 87(4): 324-328. <http://www.pdkintl.org>. (diakses April 2015)
- Stiggins, R. J.(2002). Assessment crisis: The absence of assessment for learning *Phi Delta Kappan*. 83(10): 758-765.
- Stufflebeam, D.L. (1987) Professional Standards for Assuring the Quality of Educational
- Utusan Online*. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah, 12 Jun 2007
- Yip, D. Y., & Cheung, D.(2005). Teachers' concerns on school-based assessment of practical work . *Journal of Biological Education*, 39(4): 156-162
- Young, V.M., & Kim, D.H. (2010). Using assessment for instructional improvement: A literature review. *Educational Policy Analysis Archives*, 18 (19). <http://epaa.asu.edu/ojs/article/view/809>.
- Zimmerman, B. J. (2002). Becoming a self-regulated learner: an overview. *Theory Into Practice*, 41, 64-72

BIODATA PELAJAR

Mohd Khairi Bin Kassim dilahirkan pada 24 Julai 1966 di Kuala Lumpur kemudian dibesarkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau telah menamatkan persekolahan Tingkatan Enam Atas Di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan pada tahun 1985. 1987-1989 mengikuti Kursus Perguruan Asas (Pengajian Sekolah Menengah – Seni Perusahaan) di Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur. Setelah tamat latihan perguruan ditempatkan mengajar di SMK Seksyen 16 Shah Alam dan mengajar Mata pelajaran Kemahiran Hidup yang baru diperkenalkan pada masa itu. Pada Disember 1994, beliau bertukar ke SMK Datok Mansor Bahau, Negeri Sembilan dan pada tahun 1995 mengikuti Kursus Sijil Perguruan Khas (Kemahiran Hidup-Pertanian) di Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Johor Bahru selama satu tahun. Tahun berikutnya ditawarkan mengikuti Kursus Diploma Perguruan Khas (Kemahiran Hidup) di Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Johor Bahru. Seterusnya menyambung pengajian di peringkat sarjana muda di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) dengan Kepujian Kelas Kedua Tinggi pada 1999. Setelah tamat pengajian ditempatkan mengajar di SMJK Chi Wen, Bahau, Negeri Sembilan. Tiga bulan selepas itu memohon bertukar ke SMK Datok Mansor kerana keperluan opsyen. Pada 01.01.2001 bertukar ke SMJK Kwang Hua Klang, Selangor dan bertugas di situ hingga 31 Julai 2018. Mulai 1 Ogos 2018 dinaikkan pangkat sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional (GKMP Teknik dan Vokasional) di SMK La Salle, Klang hingga kini. Sepanjang perkhidmatan beliau telah menerima pengiktirafan Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPM (1994) – menegak. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPM (2003) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPM (2015). Sangat aktif dalam bidang ko kurikulum terutamanya dalam unit beruniform Pasukan Kadet Polis. Penglibatan yang aktif menyebabkan beliau dianugerah pangkat Inspektor Kehormat seterusnya dinaikkan pangkat ke Assistan Suprintendan Polis / Kadet (ASP/K). Diberi kepercayaan untuk mengetuai Pasukan Kadet Polis Daerah Klang Utara sebagai Pegawai Teknikal. Di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Selangor beliau telah diberi kepercayaan menjadi hakim pertandingan kelajuan kereta solar bermula tahun 2012 hingga tahun 2015 dalam Karnival Sains dan Teknologi (KasTek) peringkat Daerah Klang. Pada masa yang sama beliau dilantik sebagai Pegawai Teknikal Pertandingan Kelajuan Kereta Solar Peringkat Negeri Selangor hingga kini. Pada tahun 2016-2018 beliau diberi kepercayaan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor sebagai Pegawai Teknikal Negeri Pertandingan Solar Vehicle Challenge (SVC) dalam Karnival Inovasi Teknologi Hijau (KITH) dan membawa pasukan Negeri Selangor ke pertandingan KITH Peringkat Kebangsaan. Pengalaman sebagai seorang guru Kemahiran Hidup Bersepadu merupakan faktor mendorong beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Sains dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Putra Malaysia. Beliau berharap dapat meneruskan pengajian di

peringkat yang lebih tinggi dan berkongsi ilmu pengetahuan yang diperolehi di masa hadapan.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

KESEDIAAN, PENERIMAAN DAN PENGOPERASIAN GURU KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

NAMA PELAJAR : MOHD KHAIRI BIN KASSIM

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]